

15/08/2002

Polis gagal dapat keterangan Bunyamin

KOTA BHARU, Rabu - Polis gagal mendapatkan keterangan penceramah Pas Kelantan, Bunyamin Yaakob, yang menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melihat video lucu bersama cucunya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisioner Abdul Rahim Jani, berkata polis cuba menghubungi Bunyamin di dua kediamannya di Bachok tetapi penceramah itu didapati tidak pulang ke rumahnya.

"Polis juga sudah cuba mengesan Bunyamin di sekitar Kelantan tetapi masih gagal dan kita meminta bantuan Pas Kelantan dan Kedah bagi mengesan beliau," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK), di sini, petang ini.

Bunyamin, 56, yang juga bekas anggota Parlimen Bachok, ketika berceramah pada 15 Mac lalu di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di Pengkalan Chepa, di sini mendakwa Dr Mahathir dan cucunya menonton video lucu.

Petikan ceramahnya itu disiarkan Radio Televisyen Malaysia baru-baru ini dan susulan daripada itu, tiga aduan polis dibuat di Kuala Terengganu, Pasir Mas (Kelantan) dan di Baling, Kedah.

Abd Rahim berkata, pihaknya percaya Bunyamin sudah menghilangkan diri dan dipercayai beliau tiada di negeri ini.

Katanya, pihaknya berharap orang ramai yang mengetahui di mana Bunyamin berada supaya memaklumkan kepada polis.

"Sekiranya Bunyamin gagal dikesan, polis akan mengeluarkan perintah mengikut Seksyen 111 Kanun Acara Jenayah, tetapi sebolehnya kita meminta beliau hadir ke IPPK untuk merakam keterangannya," katanya.

Polis Kelantan sudah merakam kenyataan 18 saksi berhubung kes berkenaan setakat ini.